

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI DR. RICHARD RIOT ANAK JAEM
KAWASAN : SERIAN
TARIKH : 08 OKTOBER 2019 (SELASA)

SOALAN :

YB DATO' SRI DR. RICHARD RIOT ANAK JAEM minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah Jalan Serian ke Tebedu, Jalan Persekutuan (FR21) akan dinaik taraf.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan Serian ke Tebedu, Sarawak yang dimaksudkan ialah Jalan Persekutuan (FR 21). Berdasarkan semakan stesen bancian dan isipadu trafik lalulintas terkini mendapati bahawa Tahap Perkhidmatan Jalan (Level of Service, LOS) berada pada tahap LOS A. Oleh yang demikian, tiada keperluan untuk dinaiktaraf jalan tersebut pada masa kini memandangkan aliran trafik masih lancar serta mampu ditampung oleh jalan sedia ada dan ianya tidak tersenarai di dalam senarai keutamaan Kerajaan Negeri Sarawak bagi permohonan Rolling Plan 4 Tahun 2020 RMKe-11. Walau bagaimanapun, Kementerian ini bersedia untuk mempertimbangkan cadangan projek tersebut untuk diangkat dalam Rancangan Malaysia yang akan datang sekiranya terdapat keperluan untuk jalan ini dinaiktaraf serta memenuhi syarat-syarat teknikal.

Sekian, terima kasih.